



PARLIMEN MALAYSIA


DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS

2018

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS : 22 MAC 2018



KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.9 HINGGA NO.68)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]



SOALAN NO: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]

TARIKH : 22 MAC 2018

SOALAN : 9

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan betapa berkesan rawatan di MS New Symphony Exercise Clinic di Bukit Jalil untuk mencegah dan mengurangkan nombor penyakit Non- Communicable Diseases (NCD) di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

MS New Symphony Exercise Clinic menawarkan beberapa program rawatan iaitu program sokongan untuk kanser, program rawatan diabetes, program rawatan hipertensi, program menurunkan berat badan dan juga program kecergasan.

Walaubagaimapun, buat masa ini, KKM tidak memantau pencapaian klinik berkenaan termasuklah pencapaian NCD klinik tersebut. Secara dasarnya KKM berpendapat bahawa pendekatan program yang ditawarkan oleh klinik tersebut mampu mengurangkan risiko penyakit NCD.

Untuk makluman YB Tebrau, hidup yang tidak aktif (atau sedentari) merupakan satu faktor risiko utama penyakit tidak berjangkit (*Non-Communicable Diseases* atau NCD). Di peringkat global, “tidak aktif secara fizikal” menyumbang kepada 6% dari kematian global. Data terkini dari Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015 menunjukkan bahawa 35.2% rakyat Malaysia yang dewasa adalah tidak aktif. Individu yang tidak aktif mempunyai 20-30% lebih tinggi risiko kematian berbanding dengan individu yang aktif. Selain daripada itu, hidup yang tidak aktif juga boleh menyebabkan masalah obesiti yang akhirnya menjadi faktor risiko kepada penyakit NCD seperti kencing manis, darah tinggi dan lain-lain.

Oleh kerana itu, KKM secara berterusan menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan bersenam secara rutin. KKM telah menganjurkan senaman selama 150 minit seminggu ataupun 30 minit sehari supaya rakyat Malaysia kekal cergas dan ianya terbukti boleh mengurangkan risiko penyakit NCD.

4

Soalan No: 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab kelewatan pembinaan SK Taman Sutera, Kajang dan nyatakan bila SK Taman Sungai Besi Indah akan pindah balik ke premis asalnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca kelewatan pembinaan projek SK Taman Sutera, Kajang adalah;

- i. isu kerja tanah yang melibatkan pertambahan kos yang terlalu tinggi di mana isu ini berakhir dengan proses *mutual termination* pada 27 Jun 2016 antara pihak kontraktor dan Kementerian setelah kedua-dua pihak tidak bersetuju dengan jalan penyelesaian yang dicadangkan;
- ii. penarikan diri konsultan arkitek daripada projek ini selepas proses *mutual termination* bersama pihak kontraktor selesai; dan
- iii. penarikan diri konsultan *mechanical and engineering* pada bulan Januari 2018 setelah kematian prinsipal syarikat ini.

5.

Proses untuk memohon kelulusan Kebenaran Merancang akan diteruskan setelah proses lantikan perunding *mechanical and engineering* selesai dalam bulan Mac 2018. Manakala lantikan kontraktor pula akan dibuat setelah kelulusan Kebenaran Merancang diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan terlibat.

Berhubung dengan SK Taman Sungai Besi, status terkini perpindahan balik ke premis asalnya dijangka pada penghujung bulan Oktober 2018 iaitu setelah selesai peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

RJM54

SOALAN NO.: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH : 22 MAC 2018
SOALAN : 11

Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan doktor pelatih yang sedang mengikuti latihan housemanship dan nyatakan bilangan doktor pelatih yang sedang menunggu giliran untuk mengikuti latihan housemanship berkenaan serta nyatakan langkah Kerajaan bagi mengurangkan tempoh menunggu pengambilan doktor pelatih untuk latihan *housemanship* ini tidak terlalu lama.

Tuan Yang di- Pertua,

Sehingga Februari 2018 terdapat seramai 11,211 orang graduan perubatan yang dilantik sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) Gred UD41 di Malaysia. Bilangan mereka terdiri daripada PPS lantikan tetap dan dilantik secara kontrak mulai 5 Disember 2016. PPS berkenaan sedang menjalani latihan siswazah di 46 hospital latihan

siswazah dan di 37 Klinik Kesihatan terpilih di seluruh negara bagi *posting kesihatan primer*.

Bagi tahun 2018, seramai 959 graduan perubatan telahpun dilantik bagi sesi pengambilan pertama. Berdasarkan tapisan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sehingga 18 Disember 2017, sejumlah 3,327 orang calon telah berdaftar dengan pihaknya yang masih menunggu untuk ditawarkan penempatan. Pengambilan PPS Gred UD41 di KKM dilaksanakan secara berfasa, iaitu setiap dua (2) bulan sekali. Walaupun begitu, penempatan mereka adalah tertakluk kepada kekosongan slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah yang pada masa ini ditetapkan sebanyak 11,676 slot. Anggaran jumlah pengambilan setiap sesi ialah 1,000 orang dan purata tempoh menunggu graduan perubatan mendapat penempatan adalah di antara 6 hingga 8 bulan dari tarikh permohonan lengkap dengan SPA.

Kementerian dari masa ke semasa berusaha untuk mengurangkan tempoh menunggu di mana antara langkah yang dibuat adalah:

- i. meningkatkan bilangan hospital yang menyediakan tempat sebagai Hospital Latihan Siswazah termasuk Klinik Kesihatan. Contohnya, peningkatan bilangan HLS dari 38 buah hospital latihan siswazah pada tahun 2009 kepada 46 buah hospital latihan siswazah pada tahun 2017; dan

- ii. Menambah bilangan posting alternatif daripada 5 posting kepada 9 posting dalam latihan siswazah seperti Kesihatan Primer dan Psikiatri bagi membolehkan PPS ditempatkan ke Klinik Kesihatan dan Institut Mental.